

**TEKS SALUTATION DAN UCAPAN ALUAN  
BRIG. JEN. DATO' PROF. DR KAMARUDIN HUSSIN  
NAIB CANSELOR UniMAP**

SEMPENA

**LAWATAN KERJA PENGURUSAN TERTINGGI UniMAP KE  
UUM**

Pada 23 MEI 2011

Di HOTEL EDC-UUM

Bismillah hirrahman nirrahim  
Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Perpaduan dan Salam 1 Malaysia.

**(Salutation standard yang diberikan oleh pihak UUM)**

Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Mohamed Mustaffa Ishak,  
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia.

Ahli Jawatankuasa Pengurusan UUM;

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi UNIMAP;

Ahli Senat;

Para Profesor;

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti;

Wakil Media; Tuan-tuan dan puan-puan, hadirin yang saya hormati sekalian.

Marilah kita bersama menadah tangan mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, dapat kita bertemu sekali lagi sempena Lawatan balas Pengurusan Tertinggi Universiti Malaysia Perlis ke Universiti Utara Malaysia.

Terima kasih yang tidak terhingga saya titipkan buat pihak UUM kerana sudi menerima kunjungan delegasi UniMAP pada pagi ini. Saya berharap agar segala komitmen dan usaha kita ini akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. Amin. Justeru, saya mewakili seluruh warga UniMAP ingin mengucapkan **Terima Kasih Daun Keladi, Semoga Hubungan Dieratkan Lagi** kepada semua warga UUM yang hadir pada pagi ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Meskipun kami di UniMAP mengambil masa yang agak lama untuk membuat kunjungan balas (iaitu lebih kurang 4 bulan) tetapi dalam tempoh tersebut telah ada beberapa siri perbincangan antara UniMAP dan UUM.

Adalah menjadi hasrat kami, agar pada kunjungan kali ini, segala kecaburan dan perancangan awal yang dibincangkan semasa delegasi UUM berkunjung ke UniMAP dapat ditransformasikan dalam bentuk yang lebih jelas.

Maka atas sebab itulah juga, satu majlis menandatangani memorandum persefahaman antara UniMAP dan UUM akan diadakan sebentar lagi. Harapan kami, melalui perjanjian MoU ini, segala aspek yang digariskan di dalamnya akan dapat direalisasikan secepat mungkin.

Saya dimaklumkan, sebanyak 9 aspek teras telah dibincangkan yang mana ia menjanjikan peluang kolaborasi yang cukup luas antara UniMAP dan UUM.

Hadirin dan hadirat sekalian,

UniMAP sentiasa melihat ruang dan peluang yang ada untuk menjalinkan kerjasama strategik dengan UUM dalam pelbagai bidang sama ada melibatkan staf mahupun pelajar. Ianya diharapkan dapat meningkatkan lagi keridibiliti kedua-dua buah universiti kearah memantapkan aspek pengajaran/akademik, penyelidikan, pentadbiran dan kebudayaan.

Jalinan kerjasama ini meliputi beberapa teras iaitu penawaran kursus membabitkan pelajar ijazah pertama dan pasca siswazah, kerjasama dalam aspek penyelidikan, pertukaran pelajar, pertukaran kurikulum dan juga staf serta projek-projek khas yang dipersetujui oleh kedua-dua universiti.

Salah satu darinya, UniMAP dan UUM berkolaborasi dalam menawarkan pengajian MBA (Master In Business Administration) kepada Penolong Pendaftar (AR) di UniMAP. Yang mana menerusi

program ini, proses pengajaran dan pembelajaran dikendalikan sepenuhnya oleh pihak UUM iaitu dari aspek tenaga pengajar manakala modul dan subjek yang bakal diambil pula dibuat berdasarkan perbincangan bersama antara kedua-dua universiti.

Bagaimanapun, kuliah dijalankan secara sepenuhnya di UniMAP pada hari Jumaat, Sabtu dan Ahad. Adalah menjadi hasrat UniMAP untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran AR dalam bidang pentadbiran perniagaan melalui kolaborasi ini.

Buat permulaan, seramai 20 orang pegawai dari pelbagai latar belakang mengikuti program ini yang telah berjalan untuk dua semester dan dijangka berakhir pada bulan Julai 2012. Penganjuran program ini juga adalah selaras dengan misi UniMAP iaitu untuk melahirkan modal insan kamil yang mampu menyumbang kepada agenda pembangunan negara dan ia tidak hanya termaktub kepada mahasiswa-mahasiswi semata-mata.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya tidak berhasrat untuk bercakap panjang pada pagi ini, memandangkan masih banyak agenda yang akan berlangsung selepas ini. Justeru sebagai mengakhiri ucapan, saya mewakili Pengurusan Tertinggi UniMAP ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak UUM terutama Naib Canselornya, Prof. Dato' Dr. Mohamed Mustaffa Ishak dan semua pengurusan tertinggi UUM atas kesudian menerima kunjungan balas dari kami.

Terima kasih juga kepada jawatankuasa pelaksana dari kedua-dua universiti yang bertungkus lumus dalam memastikan kelangsungan lawatan balas ini.

Akhir kata, terimalah pantun ini dari saya :

**Bulan mengambang di celah awan,  
Pungguk merindu memendam rasa,  
UniMAP – UUM dipisahkan sempadan,  
Peneraju pendidikan di utara negara.**

**Bunga seroja di atas para,  
Jatuh ditimpa buah berangan;  
Andai kata tersilap bicara,  
Kemaafan jua kami pohonkan.**

Wassalamualaikum Warahmatullahi WabaraktuH.